

# Pendidikan tetap agenda

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
utusannews@mediarnulia.com.my

**BATU PAHAT:** Pendidikan akan tetap menjadi agenda utama negara meskipun pentadbiran kerajaan bertukar-tukar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, penekanan kepada aspek pendidikan termasuk pendidikan tinggi juga perlu menjadi keutamaan.

Beliau berkata, selain menyediakan fasiliti pendidikan tinggi seperti universiti, politeknik dan kolej komuniti, kerajaan juga berusaha memastikan pelajar-pelajar dapat mengikuti pengajian mereka dengan selesa.

“Pendidikan merupakan agenda yang penting bagi mengubah sesuatu keluarga, kaum dan individu. Sejak merdeka, kerajaan menjadikan pendidikan sebagai agenda utama. Walaupun kerajaan bertukar-tukar, tetapi pendidikan tetap menjadi agenda utama.

“Dengan pendidikan, tanpa mengira latar belakang, anak penoreh getah pun boleh menjadi seorang perdana menteri dan anak tok penghulu boleh jadi menteri besar, hasil dasar yang jelas daripada kerajaan untuk meningkatkan taraf pendidikan anak-anak bangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Karnival Ke-



**ISMAIL Sabri Yaakob diiringi Noraini Ahmad (kanan) menerima cenderamata ketika menghadiri Karnival Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Keluarga Malaysia di Batu Pahat, Johor, semalam.**

menterian Pendidikan Tinggi (KPT) Keluarga Malaysia yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Ir. Hasni Mohammad dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Tambah Perdana Menteri, golongan B40, M40 dan masyarakat luar bandar juga berpeluang melanjutkan pelajaran melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan kerajaan seperti biasiswa penuh untuk

pelajar di luar negara.

Ismail Sabri memuji usaha KPT melaksanakan Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (Sulung) yang memfokuskan usaha membantu keluarga B40 yang belum ada seorang pun pernah menjejakkan kaki ke menara gading.

“Program ini adalah unik kerana mereka bukan sahaja akan dibantu diberikan laluan khusus kemasukan ke universiti awam, tetapi turut dita-

warkan biasiswa, asrama dan diberikan mentor sehinggalah mereka berjaya mendapat pekerjaan.

Beliau turut mengajak badan-badan korporat untuk bersama-sama menghulurkan sumbangan bagi membantu menjayakan program itu selaras usaha kerajaan mengetengahkan nilai kebersamaan dan akses kepada pendidikan tinggi dapat dirasai semua lapisan masyarakat.